

Title	Newspaper	Day	Date
IAP mahu kumpul dana sehingga RM300juta	Utusan Malaysia	Khamis	18 Februari 2016

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 18 FEBRUARI 2016

IAP mahu kumpul dana sehingga RM300 juta

Oleh **FADZIL ZAINOL**
ekonormi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 FEB.

PLATFORM Akaun Pelaburan (IAP) yang dilancarkan hari ini melibatkan enam bank Islam tempatan, dijangka mampu meraih dana sehingga RM300 juta dalam tempoh tiga tahun akan datang, bagi membiayai aktiviti perniagaan khususnya milik perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Platform itu dikendalikan oleh IAP Integrated Sdn. Bhd. (IAP Integrated) yang merupakan subsidiari milik Raeeed Holdings Sdn. Bhd. (Raeeed), konsortium milik bersama enam bank iaitu Affin Islamic, Bank Islam, Bank Muamalat, Maybank Islamic, Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IAP, Mohamed Izam Mohamed Yusof berkata, untuk tempoh awal pengenalan IAP pihaknya akan melaksanakan program-program bagi mendedahkan kemudahan platform tersebut kepada para pelabur dan PKS.

"Kami menjangka untuk mengumpul dana antara RM200 juta hingga RM300 juta dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi. Malah melihat potensi untuk membawa platform ini kepada pelabur-pelabur dari luar negara serta menggunakan pelbagai jenis mata wang," katanya

Malah melihat potensi untuk membawa platform ini kepada pelabur-pelabur dari luar negara serta menggunakan pelbagai jenis mata wang."

MOHAMED IZAM
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IAP

selepas pelancaran kemudahan IAP itu di sini hari ini.

Turut hadir ialah Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Pengerusi Raeeed, Datuk Zamani Abdul Ghani.

Selain itu, yang turut hadir ialah CEO Kumpulan Affin Holdings Bhd., Kamarul Ariffin Mohd. Jamil; Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Bhd., Datuk Seri Zukri Samat; CEO Bank Muamalat Malaysia Bhd., Datuk Mohamad Redza Shah Abdul Wahid; Timbalan CEO Maybank Islamic Bhd., Nor Shahrizan Sulaiman; Pengarah Urusan dan Presiden Bank Rakyat, Datuk Mustafha Abd. Razak dan Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning.

Menerusi IAP, sesebuah syarikat yang ingin melaksanakan sesuatu projek perniagaan boleh menghantar permohonan kepada IAP bagi

disenaraikan dalam usaha mendapatkan sumber pembiayaan. Seterusnya jika terdapat bank di dalam IAP itu yang berminat terhadap projek tersebut boleh mencari pelabur-pelabur untuk menyumbangkan dana perniagaan bagi membiayai projek yang ingin dilaksanakan itu.

Selain menggunakan infrastruktur perbankan Islam, IAP turut melibatkan penilaian kredit dan risiko oleh syarikat penarafan bertauliah, RAM Holdings Berhad.

Tambah Mohamed Izam, IAP terbuka untuk menerima permohonan daripada pelbagai sektor perniagaan dan akan menjalin kerjasama dengan SME Corporation Malaysia bagi mendedahkan kemudahan pembiayaan ini kepada PKS.

IAP dicadangkan oleh kerajaan dalam Bajet 2015 untuk memberi peluang kepada pelabur-pelabur bagi membiayai aktiviti keusahawanan dan pembangunan PKS yang berdaya maju dengan peruntukkan dana permulaan sebanyak RM150 juta.

Platform itu bertujuan menarik pelabur institusi dan individu khususnya individu berpendapatan tinggi ke dalam pasaran kewangan Islam. Bagi menggalakkan pelaburan dalam IAP, kerajaan mencadangkan pelabur individu diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas keuntungan dari pelaburan yang layak selama tiga tahun berturut-turut.



ADINAN MANING (kiri), **Kamarul Ariffin Mohd. Jamil** (dua dari kiri), **Zukri Samat** (tiga dari kiri), **Mohd. Redza Shah Abdul Wahid** (tiga dari kanan), **Nor Shahrizan Sulaiman** (dua dari kanan), **Mustafha Abd. Razak** (kanan) pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama kewangan Islam iaitu Platform Akaun Pelaburan di Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, **Zeti Akhtar Aziz** (berdiri, kiri). -UTUSAN/ENGKU ARIFF IMRAN ENGKU ABDUL AZIZ